

## SKEMA PERCUBAAN I SPM

### **SOALAN 1 (Rumusan)**

#### **Pendahuluan**

- Petikan membincangkan **tindakan / usaha** ibu bapa menggalakkan anak-anak bersenam.
- Rumusan membincangkan **tindakan/ usaha** ibu bapa menggalakkan anak-anak bersenam.

#### **Isi Tersurat**

- menghantar anak-anak ke kelas senaman
- sokongan untuk anak-anak melakukan aktiviti tersebut
- ibu bapa perlu mempunyai persepsi positif terhadap aktiviti senaman
- diberikan motivasi dan peneguhan yang berterusan
- sokongan membelikan peralatan untuk bersenam bagi kegunaan anak- anak
- ibu bapa sendiri haruslah melibatkan diri dalam aktiviti senaman dan fizikal
- melakukan aktiviti senaman dan sukan bersama-sama
- bawalah anak-anak ke tempat rekreasi bagi bersenam
- ibu bapa patut menemani anak-anak bersenam

#### **Isi Tersirat**

- dapat menyihatkan tubuh badan
- dapat meningkatkan kekuatan fizikal
- mengurangkan risiko menghidap penyakit

### Soalan 2a (Pemahaman)

- i. Maksud rangkai kata memberi ruang ialah meluangkan masa / waktu
- ii. - ibu bapa mempunyai persepsi yang negatif terhadap tabiat ini kerana tidak melihat aktiviti senaman sebagai satu aktiviti yang penting berbanding dengan akademik
- segelintir ibu bapa menghadapi masalah kekurangan kemudahan dan sumber untuk melibatkan diri dalam aktiviti senaman
- bagi kebanyakan ibu bapa, mencari masa untuk bersama-sama melakukan aktiviti senaman ialah cabaran.
- iii. - menganjurkan pelbagai aktiviti senaman untuk semua lapisan masyarakat
- mengadakan kempen yang berterusan
- mengadakan pertandingan untuk kategori keluarga
- iklan melalui media

### Soalan 2b

- i. -untuk memanjangkan rasa gembira itu kepada orang lain  
-untuk mendermakan wang jualan jaket kulit itu kepada mana-mana zoo yang ada kandang kijang  
-sebagai tanda muhibah terhadap kijang-kijang yang telah dibunuh
- ii.-pihak berkuasa menguatkuasakan undang-undang dengan lebih tegas  
-pihak kerajaan memberhentikan pengeluaran lesen pemburuan  
-media massa memperhebat kempen kesedaran  
-pihak bukan kerajaan pertubuhan alam sekitar menganjurkan ceramah
- iii. Dalam petikan
  - Kita harus berusaha menyelamatkan haiwan yang dilindungi - 'Aku' ingin menjual jaket kulit kijang yang dibelinya kepada kedai menjual pakaian terpakai
  - Kita janganlah membunuh haiwan yang dilindungi demi kelangsungan kehidupan moden - 'Aku' mengecam sikap manusia yang sanggup membunuh haiwan demi gaya hidup moden

Dalam cerpen

- Kita hendaklah sentiasa berwaspada** - 'Aku' sentiasa mengingati pesan Hajah Normah dan Encik Yuksel tentang watak orang-orang Turki supaya tidak tertipu dan terperangkap dengan muslihat mereka.
- Kita hendaklah membantu orang lain** - 'Aku' menderma kepada orang- orang susah ketika berada di Turki dan membayar lebih USD4 kepada wanita tua miskin penjual makanan burung.

Soalan 2c

1. **maksud** menjadi berkasihan-kasihan .

-Hubungan mereka erat dan mesra

2. Hubungan antara Paduka Raja dengan Seri Nara Diraja selepas pernikahan Seri Nara Diraja dengan Tun Kudu.

-hubungan antara kedua-dua mereka sangat mesra seperti bersaudara

-mereka dapat bermuafakat

-Seri Nara Diraja mencadangkan agar Paduka Raja dilantik menjadi Bendahara

3.Bendahara perlu dilantik dalam kalangan mereka yang bijaksana kerana..

-mereka merupakan penasihat utama kepada sultan yang memerintah

-mereka membantu menentukan corak p'entadbiran sesebuah negara

-mereka menjadi orang penting yang menjaga keselamatan negara daripada ancaman musuh

2d)

i. maksud Baginda meninggalkan takhta kerajaan.

-Baginda berundur dari istana/baginda turun daripada takhta

ii-Keadaan negeri menjadi kelam-kabut kerana rakyat yang selama ini hidup dalam suasana harmoni berasa selesa dan tidak pernah mengalami kesusahan seperti itu.

-Selain itu. rakyat menjadi takut kerana tidak membuat persediaan untuk menghadapi sebarang kemungkinan.

iii. **dua** pengajaran daripada syair di atas.

-Kita hendaklah bersikap adil dalam menjalankan pemerintahan. supaya mendapat sokongan daripada rakyat

-Kita hendaklah sentiasa berwaspada walaupun dalam situasi aman kerana kita tidak tahu bila malapetaka akan berlaku.

3a) binaan ayat

i.- baru (masa)

- baharu (terkini)

ii- tempoh (jangka masa )

- tempuh (melanggar/menghadapi)

iii. - dekat ( jarak yang tidak jauh)

- dekad (tempoh 10 tahun)

3b) cerakinkan ayat

i. a. Pertandingan pidato itu akan diwakili oleh Jordan?

b. Pertandingan pidato itu akan diwakili oleh Jessica?

ii.a. Kita mestilah berhati-hati memandu kenderaan di jalan raya.

b. Kita mestilah berhati-hati pada musim hujan.

iii.a. Negara Perancis menjuarai Bola Sepak Piala Dunia 2018.

b. Negara Perancis memiliki pemain- pemain yang hebat.

3c)

Kesalahan Ejaan		Kesalahan imbuhan	
<b>Salah</b>	<b>Betul</b>	<b>Salah</b>	<b>Betul</b>
i.anti-biotik	Antibiotik	menjalankan	menjalani
ii.motorsikal	motosikal	mencuri	kecurian
iii.multi vitamin	multivitamin	mengambil	pengambilan

3d)

Kesalahan istilah		Kesalahan tatabahasa	
<b>Salah</b>	<b>Betul</b>	<b>Salah</b>	<b>Betul</b>
i.bercakap	berucap	memperkatakan tentang isu	memperkatakan isu
ii.cepat	pesat	Sejak kebelakangan ini	Sejak belakangan ini
iii.pengisytiharan	pelancaran	kita harus tangani	harus kita tangani

Soalan 4

i. Peleraian

Di Sebalik Dinara	Silir Daksina
Konflik terlerai apabila Karl menceritakan kisah silamnya melalui Shida yang berada di alam bawah sedar. Penjelasan Agram tentang identity diri dan penglibatannya menyerahkan Farisyah kepada ibu bapa Azraai.	Haiqal telah pergi ke kampung ayahnya di Batu Pahat. Kedatangannya disambut baik oleh penduduk Kampung Seri Purnama. Melalui penceritaan penduduk kampung, sedikit banyak membantu Haiqal mengenali ayahnya. Sejak ayahnya meninggal dunia, Kampung Seri Purnama kehilangan besar seorang yang berbakat dan disegani. Haiqal telah menghidupkan kembali kumpulan tarian zapin dan turut membuat persembahan bersama-sama dengan Ong See Hwa. Pada waktu itu juga umi, walid dan Siti Asiah datang melihat persembahan. Dendam umi selama ini kepada Abdullah Bin Kayan juga telah berakhir. Haiqal meneruskan pengajian ke Universiti Malaysia Sabah.

ii. Perbandingan watak wanita

Di Sebalik Dinara	Silir Daksina
<p>1. Farisha</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>-berumur 26 tahun dan anak tidak sah taraf kepada Karl dan Marilyn.</li> <li>-adik angkat Azraai sejak berumur 2 tahun.</li> <li>-menjalankan perniagaan sendiri dalam bidang sistem keselamatan komputer.</li> <li>-seorang yang cantik dan bersopan santun.</li> <li>-seorang yang bijak dan mahir dalam sistem komputer.</li> <li>-bersikap terburu-buru</li> <li>-seorang yang manja dan penyayang.</li> <li>-seorang yang teliti dalam urusan harian.</li> </ul>	<p>1. Ong See Hwa</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>-anak bongsu Tauke Ong dan Puan Khei</li> <li>-mempunyai seorang abang iaitu Kok Wee dan seorang kakak iaitu Ai Ching.</li> <li>-seorang gadis yang cantik.</li> <li>-berumur 19 tahun</li> <li>-fasih bertutur dalam Bahasa Melayu.</li> <li>-seorang yang lemah lembut dan berbudi bahasa.</li> <li>-meminati seni tarian zapin dan sastera Melayu.</li> <li>-seorang yang amanah.</li> <li>-seorang yang rajin dan ikhlas dalam menjalankan tugas.</li> </ul>

<p>2. Shida</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>-rakan serumah Farisha</li> <li>-berkelulusan undang-undang</li> <li>-bekerja sebagai penulis bebas</li> <li>-meminati permainan skuasy</li> <li>-seorang yang tidak teliti dalam urusan harian.</li> <li>-seorang yang memiliki semangat setiakawan.</li> <li>-seorang yang bersungguh-sungguh dalam menjalankan tugas.</li> </ul> <p>*boleh guna watak lain</p>	<p>2.umি</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>-ibu kepada Haiqal</li> <li>-bekas isteri Abdullah bin Kayan</li> <li>-Isteri kepada Abdul Fatah (walid)</li> <li>-menguruskan perniagaan batik di Pasar Panjang</li> <li>-seorang yang sangat menyayangi anaknya</li> <li>-seorang yang ego dan mementingkan diri sendiri.</li> <li>-seorang yang pendendam</li> <li>-menyadari kesilapannya selama ini.</li> <li>-tidak meminati sastera dan seni Melayu</li> </ul> <p>*boleh guna watak lain</p>
--	---

Koleksi [www.bmspm.net](http://www.bmspm.net)